

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

Maulidur Rasul (Arab: kelahiran Rasul) atau **Maulud Nabi Muhammad SAW** ialah hari bersejarah keputeraan Nabi Muhammad. Hari ini jatuh pada hari ke-12 bulan Rabiulawal sempena keputeraan Nabi yang jatuh pada Isnin, 12 Rabiulawal Tahun Gajah bersamaan dengan 20 April 571 di kota Mekah. Baginda merupakan nabi terakhir yang diutus oleh Allah Subhanahuwataala.

Setiap tahun, umat Islam di seluruh dunia akan mengadakan majlis memperingati keputeraan Nabi Muhammad SAW dengan mengadakan beberapa acara seperti perarakan, ceramah dan sebagainya. Banyak kelebihan dan keistimewaan yang akan dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada mereka yang dapat mengadakan atau menghadiri majlis Maulidur Rasul.

Kita di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan memperingati kelahiran Baginda dengan berbagai-bagai acara keagamaan yang dirancang dan dijalankan seperti Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid seluruh negara, majlis ceramah agama, forum dan acara kemuncak perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara yang biasanya diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Perarakan mengelilingi sebahagian Bandar Seri Begawan di dahului oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diikuti oleh Kerabat Diraja dan Pembesar-Pembesar Negara.

Bagi negara kita, Sambutan Maulidur Rasul dapat bertahan dengan baik dan masih giat diteruskan dari generasi ke generasi adalah kerana ia menunjukkan keyakinan yang kuat dalam kalangan generasi Islam pada masa dahulu dan sekarang dalam keagamaan bagi semata-mata mendapatkan ganjaran rahmat dan berkat dari Allah Subhanahu Wata'ala. Semuanya itu kita adakan sebagai tanda kasih terhadap Baginda Rasulullah. Ia juga untuk menambahkan penghayatan beragama serta mensyiarkan kemuliaan Islam sebagai ugama yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan telah kita daulatkan menjadi agama rasmi negara.

Kita dapat lihat betapa besarnya kelebihan orang yang memuliakan majlis keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu alaihi wasallam kerana apabila berniat sahaja hendak mengadakan Maulud Nabi, sudah pun dikira mendapat pahala dan dimuliakan. Sememangnya bernazar untuk melakukan sesuatu yang baik merupakan doa dan dikira amal soleh. Keberkatan mengadakan Majlis Maulud itu bukan sahaja didapati oleh orang yang mengadakan majlis itu, tetapi seluruh ahli rumah atau orang yang tinggal di tempat itu turut mendapat keberkatannya.

Maulidur Rasul Maulud Nabi Muhammad SAW

Juga dikenali sebagai	Eid al-Mawlid an-Nabawi (المولد النبوي), Maulid, Maulud Nabi Muhammad SAW
Diraikan oleh/di	Pengikut <u>Ahli Sunah Waljamaah</u> , <u>Syiah</u> dan mazhab Islam yang lain
Kepentingan	Ulang tahun keputeraan <u>Nabi Muhammad SAW</u>
Upacara	berpuasa, perarakan awam, nyanyian keagamaan, perjumpaan keluarga dan masyarakat, perhiasan jalan dan rumah
Tarikh	12 Rabiulawal

Sumber daripada Wikipedia

Nama:	Kelas:
	Tarikh:


Baca petikan tentang Maulidur Rasul dan jawab soalan-soalan berikut



"Barangsiapa yang berselawat kepadaku sekali, maka Allah s.w.t akan berselawat untuknya 10 kali."
[HR Muslim]

1. Tuliskan tentang Nabi Muhammad SAW secara ringkas (3 markah)

2. Senaraikan majlis atau acara-acara keagamaan yang diadakan di Negara Brunei Darussalam bagi memperingati Maulud Nabi Muhammad SAW (3 markah)



3. Pada pendapat kamu, **kenapa golongan belia**, digalakkan untuk turut serta dalam memeriahkan sambutan Maulidur Rasul? (4 markah)